

19/02/1999

Anwar sakit gigi, perbicaraan ditangguh

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menangguhkan perbicaraan kes terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada esok, selepas bekas timbalan perdana menteri itu mengalami sakit gigi dan memerlukan rawatan segera.

Hakim Datuk S Augustine Paul menangguhkan kes itu selepas peguam bela Anwar, Raja Aziz Addruse, memaklumkan kepada mahkamah bahawa Anwar mengalami kesakitan di bahagian gigi dan memerlukan rawatan segera.

Raja Aziz berkata, Anwar pada minggu lalu menjalani pembedahan pengigian kecil dan berikutan itu mengalami `sedikit masalah' yang memerlukan kepada rawatan segera.

"Beliau sekarang mengalami kesakitan yang amat sangat dan perlu diberikan rawatan segera. Sehubungan ini, saya memohon perbicaraan ini ditunda kepada esok," katanya.

Paul kemudian bertanya kepada Raja Aziz mengenai tempoh yang diperlukan oleh pihak pembela bagi pemeriksaan semula terhadap Anwar dan Raja Aziz berkata, mereka menjangkakan boleh mengakhiri pemeriksaan semula dalam masa satu setengah jam lagi.

"Kami dapat mengakhiri pemeriksaan balas itu (terhadap Anwar) esok," katanya.

Sebelum itu, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pasukan pendakwa, memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mempunyai bantahan terhadap permohonan pembela untuk menangguhkan kes itu.

Perbicaraan kes Anwar sepatutnya bermula hari ini selepas ia ditangguhkan pada Jumaat lalu kerana perayaan Tahun Baru Cina dengan pemeriksaan balas peguam Gurbachan Singh terhadap Anwar.

Pembela juga akan memanggil saksi mereka yang pertama selepas Anwar mengakhiri keterangannya.

Sementara itu, di luar mahkamah, peguam Christopher Fernando memberitahu wartawan yang pihak pembela belum lagi mengambil kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya sudah menghantar soalan-soalan kepada Dr Mahathir dan Daim yang berkaitan dengan kes itu.

"Bagaimanapun, kami belum lagi menerima jawapan daripada mereka. Kami juga belum lagi mengetahui sama ada kami dibenarkan untuk menemubual mereka," katanya.

Sebelum ini, antara saksi dinamakan pembela untuk dipanggil memberi keterangan adalah Dr Mahathir dan Daim.

Berhubung siasatan Suruhanjaya Diraja terhadap kecederaan Anwar di bahagian mata ketika dalam tahanan polis, Fernando berkata pihak pembela akan menghantar seorang daripada sembilan peguam Anwar sebagai peguam pemerhati dalam kes itu.

Siasatan itu akan dimulakan Isnin ini dengan diketuai bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin. Anggota lain suruhanjaya itu ialah bekas hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar dan pakar bedah ortopedik, Datuk Dr Yeoh Poh Hong.

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, dilantik mengetuai siasatan.

Fernando berkata, Anwar boleh dipanggil pada bila-bila masa untuk memberi keterangan kepada suruhanjaya itu.

(END)

